




# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**22 NOVEMBER 2023 (RABU)**

## Bahaya dan menyusahkan...

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri		22 Nov



### Bahaya dan menyusahkan...

ISU haiwan-haiwan ternakan yang berkeliaran tanpa pengawasan pemilik di Negeri Sembilan sehingga mendatangkan masalah kepada pengguna jalan raya seakan tiada kesudahan.

Pelbagai langkah telah diambil pihak berkuasa tempatan (PBT) termasuk menangkap dan menyita haiwan-haiwan ternakan berkenaan termasuklah lembu dan kerbau, namun masalah yang sama terus berlaku sehingga mendatangkan risiko termasuk

menjadi punca berlakunya kemalangan jalan raya.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan negeri, J. Arul Kumar berkata, tindakan penguatkuasaan memang dijalankan oleh PBT namun mengakui ia masih belum memuaskan.

"Sudah ada langkah penguatkuasaan diambil oleh PBT sebelum ini namun belum

mencapai tahap memuaskan, saya faham ia melibatkan kos yang tinggi selain masalah-masalah lain, isu ini akan sentiasa diambil tindakan bagi menyelesaikannya," katanya.

■ **SEKUMPULAN** lembu yang berkeliaran termasuk tanpa pengawasan pemilik mengganggu pengguna jalan raya di Jalan Seremban-Port Dickson berhampiran Bandar Springhill, Port Dickson. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR